

D E R A F

Uchapan oleh Y.B. Enche Hussein Onn, Menteri Pelajaran,  
ketika menandatangani Rang Undang2 (Pindaan) Dewan Bahasa  
dan Pustaka 1971 pada 19.3.71.

-----

Tuan Yang Di-Pertua, ~~Tuan~~,

Saya mohon menandatangani <sup>ia-itu</sup> ~~supaya~~ Rang Undang2 <sup>bertajuk</sup> ~~(Pindaan)~~ <sup>yang bernama</sup>  
" <sup>Suatu Akta bagi meminda Ordinan</sup> ~~1971~~ <sup>1959,</sup> <sup>bachakan</sup> ~~di-bincangkan bagi~~ <sup>yang</sup> kali ~~ke-~~ <sup>ke-</sup> dua ~~sekarang.~~

Saya akan menerangkan dengan ringkas sebab2 di-kehendaki  
pindaan seperti yang di-chadangkan itu.

Dewan Bahasa dan Pustaka telah di-tubuhkan dalam  
tahun 1959. Sejak dari itu tugas dan tanggung-jawab-nya telah  
berlipat-ganda dan telah lama di-rasai bahawa suatu penyusunan  
semula perlu di-buat. Sementara itu, sudah ada beberapa  
perubahan pentadbiran di-jalankan dari sa-masa ka-semasa dengan  
tujuan hendak memperbaiki dan memperkemaskan lagi aktiviti2  
Dewan itu. Namun demikian, keadaan yang ada sekarang belum-lah  
dapat di-katakan cukup sempurna. Sa-telah mengkaji kedudukan-  
nya sekarang, saya yakin bahawa untuk memperkuat dan meninggikan  
lagi mutu kecekapan Bahagian2 yang ada dalam Dewan itu, maka  
mustahak-lah <sup>tiap2</sup> ~~Bahagian~~ <sup>itu</sup> di-ketuai oleh sa-orang 'Director'  
atau Pengarah, umpama-nya Pengarah Bahagian Pentadbiran dan  
Kewangan, Pengarah Bahagian Ilmiah dan Penyelidikan dan Pengarah  
Bahagian Perdagangan. Dengan peratoran itu <sup>maka tiap2</sup> ~~Bahagian~~ itu akan  
dapat membuat keputusan dengan segera dan berkesan.

Dengan ada-nya penyusunan semula seperti ini, ia-itu <sup>tiap2</sup>  
~~Bahagian~~ <sup>sa-orang</sup> di-ketuai oleh ~~Pengarah~~, maka jawatan Pegawai Kerja  
yang bertanggung-jawab secara keseluruhan-nya akan perjalanan  
Dewan itu, yang di-sebut sebagai Pengarah dalam Sekshen 14(a)  
Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka <sup>1959,</sup> ~~ini~~ hendak-lah di-ubah menjadi  
'Director General' atau Ketua Pengarah. Dengan penyusunan  
semula ini, ~~juga~~ <sup>juga</sup> maka dapat-lah Ketua Pengarah ini menumpukan masa  
dan tenaga-nya lebeh kepada soal2 dasar.

<sup>yang di-pertua,</sup>  
Tuan/ saya mohon menandatangani.



No Siri	611
Penerimaan	4/84